

# Sarawak

## pula

## dilanda

## banjir

BH 24/11

**K**UCHING: Ketika banjir di Johor, Pahang, Sabah dan Selangor belum pulih sepenuhnya, Sarawak pula dilanda bencana itu dengan sebuah sekolah terpaksa ditutup semalam, manakala beberapa kawasan diletakkan dalam keadaan berjaga-jaga.

Hujan lebat sejak malam Ahad lalu menyebabkan Sekolah Kebangsaan (SK) Segong Bau, kira-kira 30 kilometer dari sini yang mempunyai 306 pelajar, dinaiki air dan terpaksa ditutup.

Jalan ke dua lagi sekolah di sini, iaitu Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) Chung Hua Sungai Moyan dan SK Pasir Pandak, turut dinaiki air setinggi antara satu dan dua meter.

Kampung Tundong, Kampung Siniawan dan Kampung Grogo di Bau antara kawasan paling teruk dinaiki air.

Timbalan Ketua Menteri, Tan Sri Dr George Chan, berkata kerajaan dijangka mengeluarkan amaran banjir peringkat merah di bandar raya ini dan beberapa kawasan sepanjang Sungai Sarawak, terutama Sri Aman dan Kota Samarahan pada bila-bila masa.

Katanya, semua agensi berkaitan diarah berjaga-jaga bagi menghadapi kemungkinan dan sehingga ini amaran banjir peringkat kuning sudah dikeluarkan di sini.

"Jika keadaan tidak berubah, ada kemungkinan banjir besar boleh berlaku kerana Jabatan Kaji Cuaca memaklumkan hujan lebat berterusan hingga hujung minggu ini," katanya kepada pemberita di sini.

Di **PAHANG**, mangsa banjir dipindahkan di empat daerah - Raub, Lipis, Rompin dan Temerloh, berkurangan kepada 508 orang daripada 122 keluarga, berbanding 1,026 orang daripada 237 keluarga kelmarin berikutan air sungai di beberapa daerah surut.

Di **JOHOR**, 51,236 mangsa daripada 12,135 keluarga masih ditempatkan di 110 pusat pemindahan di Batu Pahat manakala tujuh keluarga dengan 26 mangsa banjir di sebuah pusat pemindahan di Kota Tinggi.

Air Empangan Bekok di Batu Pahat juga masih melepasi paras bahaya 17.5 meter dengan mencatat 18.54 meter, manakala paras air di Empangan Sembrong, Kluang 12.02 meter melebihi paras bahaya 12 meter.

Jurucakap Bilik Gerakan Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Johor, berkata keadaan banjir di Batu Pahat tidak banyak berubah berikutan cuaca mendung di seluruh Johor sehingga petang semalam.

Beliau berkata, banjir di Kota Tinggi sudah pulih sepenuhnya walaupun 26 mangsa banjir daripada tujuh keluarga masih ditempatkan di Dewan Jubli Intan.

Di **SELANGOR**, 31 keluarga dari Kampung Rantau Panjang dan Kampung Jaya Setia, Batang Berjantai masih ditempatkan di dua pusat pemindahan, iaitu Balai Raya Rantau Panjang dan Dewan Projek Barat Laut.

Pegawai Operasi Balai Bomba dan Penyelamat Batang Berjantai, Rashid Ishak, bagaimanapun berkata paras air Sungai Selangor kembali normal.